

02 AUG 2001

MAHATHIR-TUMBUH

M'SIA MUNGKIN TUNJUK ANGKA KDNK SUKU KETIGA LEBIH BAIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia mungkin menunjukkan prestasi lebih baik dalam suku ketiga memandangkan kini sudah sebulan di dalam suku ketiga.

"Saya fikir suku ketiga mungkin menunjukkan angka yang lebih baik sedikit. Itu adalah bacaan kita tetapi saya mungkin salah. Saya tidak tahu kerana pada permulaan mereka kata kelembapan AS tidak akan kekal dan akan pulih menjelang suku kedua.

"Tetapi kita belum lagi melihat benda ini (pemulihan) berlaku. Tetapi Malaysia adalah ditebat dengan lebih baik sebagai sebuah negara," beliau memberitahu pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Dialog Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) suku pertama manakala angka bagi suku kedua dijadual dikeluarkan pada 23 Ogos.

Governor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz baru-baru ini berkata bank pusat itu akan mengkaji semula ramalan KDNK 2001 negara daripada unjurannya sekarang 5.0 peratus kepada 6.0 peratus . -- BERNAMA

MAD SHY OS